

08 NOV 1998

Mustapa-Pinjaman

MUSTAPA ADAKAN PERTEMUAN MENGENAI MASALAH PINJAMAN BANK

KUALA LUMPUR, 8 Nov (Bernama) -- Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed akan mengadakan pertemuan dengan persatuan-persatuan perniagaan dan bank-bank esok untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh sektor perniagaan dalam mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan.

Mustapa berkata, kerajaan masih menerima aduan daripada ahli-ahli perniagaan yang mendakwa sukar bagi mendapatkan pinjaman kewangan daripada bank-bank walaupun kerajaan telah mengambil beberapa langkah.

"Kerajaan memandang berat perkara itu kerana ada ahli perniagaan dengan projek-projek dan perniagaan yang berdaya maju tetapi gagal mendapat pembiayaan dan ini tidak baik bagi proses pemulihan ekonomi negara," kata beliau kepada pemberita di majlis pelancaran persidangan mengenai Pemulihan Ekonomi Negara melalui tabungan dalam insurans nyawa, di sini.

Mustapa mewakili Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed di majlis itu.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata demikian apabila diminta mengulas kenyataan Dr Mahathir yang menyeru pengurusan bank mengamalkan pendekatan positif dalam memberikan pinjaman kepada ahli-ahli perniagaan.

Dr Mahathir di majlis makan malam Persatuan Bank-bank Saudagar Malaysia malam tadi berkata, sejak kebelakangan ini kebanyakan bank tidak berminat memberikan pinjaman.

Beliau berkata, antara pihak yang akan ditemuinya esok ialah wakil-wakil daripada sektor perbankan, dewan-dewan perniagaan dan persatuan-persatuan usahawan.

"Kita akan kaji dengan spesifik khasnya mengenai aduan dalam pertemuan kita esok," kata beliau dengan berjanji yang beliau akan "mendengar" dan meneliti bagaimana isu-isu itu boleh diselesaikan.

Mustapa berkata, kerajaan akan cuba membantu usahawan-usahawan mendapatkan pembiayaan.

Beliau berkata, walaupun satu unit pemantauan pinjaman telah ditubuhkan di Bank Negara awal tahun ini, kerajaan masih menerima aduan daripada ahli-ahli perniagaan.

Menurut beliau, sejak penubuhan unit itu, 25 peratus daripada lebih kurang 400 aduan berjaya diselesaikan.

Mustapa juga berkata, pertumbuhan kredit negara kini ditahap 4.5 peratus sementara pertumbuhan bagi tahun ini ialah lapan peratus.

Mengenai langkah-langkah ekonomi Malaysia, Mustapa berkata: "kita dapat lihat perubahan dan kita berada di jalan pemulihan."

Beliau berkata, apa sahaja manfaat yang diperolehi Malaysia daripada langkah-langkah itu adalah bagi jangka panjang dan bukan bagi beberapa bulan atau satu tahun seperti yang diramalkan oleh penganalisa.

-- BERNAMA

ARA PR